

PEMILIHAN BAHASA DALAM MASYARAKAT SEMAI DI KAMPUNG SERIGALA, HULU SELANGOR

Riduan Makhtar

*Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
riduan@kuis.edu.my*

Siti Aisah binti Zailani

*Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
sitiaisahzailani@gmail.com*

Abd Ganing Laenggang

*Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
abdulganing@kuis.edu.my*

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Semai di kawasan Hulu Selangor, iaitu di Kampung Serigala. Bahasa Semai merupakan bahasa ibunda masyarakat yang berketurunan Semai di kampung yang menjadi titik kajian ini. Secara umumnya, masyarakat Semai di Kampung Serigala merupakan komuniti yang menggunakan dwibahasa dan multibahasa dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang dikuasai oleh suku kaum tersebut. Kajian lapangan telah dimanfaatkan dalam memperoleh data primer di kawasan kajian. Informan terdiri daripada penutur natif bahasa Semai yang menetap di perkampungan Orang Asli tersebut dan juga mereka yang mempunyai hubungan dekat dengan masyarakat tersebut. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi mengungkapkan tingkah laku bahasa masyarakat bahasa Semai dengan menggunakan kaedah soal selidik, rakaman dan pemerhatian turut serta. Penerapan Teori Domain Fishman (1972) dijadikan kayu ukur dalam menganalisis pemilihan dan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Semai. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa, penduduk Orang Asli masih lagi meletakkan bahasa Semai sebagai wahana utama ketika berkomunikasi di sesaka mereka khususnya dalam mandala kekeluargaan.

Kata kunci: *Pemilihan bahasa, bahasa Semai, Orang Asli Semai, Mandala*

PENGENALAN

Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada 2011 juga menunjukkan kumpulan Senoi merupakan golongan yang paling ramai bilangannya, iaitu seramai 97,856 orang. Berikut merupakan

kedudukan penempatan masyarakat Orang Asli bagi suku kaum Senoi ini boleh dilihat berdasarkan Rajah 1 di sebelah:



(Sumber: Portal Utama Jabatan Kemajuan Orang Asli)

Rajah 1: Peta Kawasan Penempatan Orang Asli Suku Kaum Senoi

Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai merupakan suku kaum Orang Asli yang terbesar jumlahnya berbanding dengan populasi suku kaum etnik yang lain (Yusniza dan rakan-rakan, 2011: 175). Hal ini dibuktikan oleh bancian yang telah dilaksanakan pada tahun 1993 memperlihatkan jumlah suku kaum tersebut telah meningkat kepada 42,000 orang (Mizan & Shuhairimi, 2004). Demografi kependudukan mereka adalah di sekitar Banjaran Titiwangsa yang meliputi kawasan Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Hadi dan Karim (2017: 51) menyatakan bahawa, etnik peribumi yang banyak mendiami kawasan Tengah Semenanjung Malaysia dan kebanyakannya berada di kawasan Banjaran Titiwangsa dikenali sebagai Orang Asli Semai. Bahasa Semai merupakan bahasa yang dituturkan oleh kaum Orang Asli Semai yang berada di perkampungan Orang Asli seperti di negeri Perak; Tapah, Parit, Batang Padang, Behrang Ulu, Gorang, Kampar, Redang Punggor, Perak Selatan dan di Pos

Gedong. Selain di negeri Perak, bahasa Semai juga dituturkan oleh masyarakat Semai yang berada di Pahang iaitu di Kuala Lipis dan Tanah Rata.

Kehidupan masyarakat Orang Asli sangat dekat dengan alam fauna dan alam flora. Mohd Rasdi & Hassan (2014: 42) menjelaskan bahawa aktiviti utama kehidupan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ialah bercucuk tanam secara sara diri selain daripada mencari hasil hutan seperti berburu, mencari rotan, mencari akar kayu untuk ubat-ubatan, mencari buah-buahan dan sebagainya. Masyarakat Orang Asli mempunyai sifat dan ciri yang berbeza-beza mengikut kaumnya. Berdasarkan ciri 'istimewa' itulah yang telah membuatkan setiap suku kaum Orang Asli itu lebih mudah dikenali dan pengecaman dapat dibuat terhadap masyarakat Orang Asli yang berlainan suku kaum. Mohd Sharifudin (2018: 7) telah mencirikan masyarakat suku kaum Orang Asli Negrito dan Senoi:

“Dari segi susuk tubuh dan warna kulit, orang Negrito bertubuh kecil dengan ketinggian lebih kurang lima kaki dan berkulit gelap atau hitam, bermata besar dan berambut kerinting...kumpulan Senoi mempunyai bentuk tubuh yang tinggi sedikit daripada kumpulan Negrito, berkulit agak cerah dan rambut berombak.”

Bahasa Semai ini juga sebenarnya digunakan oleh satu kelompok Orang Asli yang tinggal di Kampung Orang Asli Serigala Hulu yang terletak di Hulu Selangor. Kehadiran masyarakat Orang Asli Semai ke Selangor dikatakan berpunca daripada migrasi akibat perkahwinan campur yang telah diamalkan oleh mereka. Demografi komuniti ini dikatakan terpisah daripada kelompok induk masyarakat Semai yang menuturkan bahasa tersebut seperti di negeri Perak; Tapah, Parit, Batang Padang, Behrang Ulu, Gorang, Kampar, Redang Punggor, Perak Selatan dan di Pos Gedong. Selain di negeri Perak, bahasa Semai juga dituturkan oleh masyarakat Semai yang berada di Pahang iaitu di Kuala Lipis dan Tanah Rata. Kebimbangan akan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai di kawasan kajian mulai menganjak bahasa dengan menggunakan bahasa atau dialek daerah yang berada di kawasan penempatan mereka dalam komunikasi seharian.

PERNYATAAN MASALAH

Percampuran masyarakat Orang Asli Semai dengan komuniti yang berada di sekeliling mereka telah mewujudkan persaingan antara bahasa ibunda masyarakat ini dengan bahasa luar. Masyarakat Orang Asli Semai yang turut berada dalam kelompok etnik minoriti ini menggunakan bahasa Semai sebagai bahasa pertama (B1) dan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) yang dipelajari oleh kelompok tersebut (Hadi dan Karim, 2017). Tambahan pula, pendedahan masyarakat Orang Asli kepada dunia luar yang menuntut mereka memahami dan menggunakan bahasa selain bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi khususnya dengan masyarakat arus perdana. Hal ini turut dikhuatiri oleh Noriah dan Meriam (2005) yang menyatakan bahawa dalam konteks pertembungan bahasa ibunda dengan bahasa Melayu di Malaysia, bahasa ibunda dianggap sebagai bahasa yang minoriti sifatnya dan pertembungan dengan bahasa Melayu menyebabkan penutur bahasa ibunda semakin mengecil.

Menurut Zainal Abidin (2011: 70), pemilihan dan sikap bahasa terjadi dalam masyarakat yang mengamalkan pelbagai pilihan bahasa atau disebut sebagai multibahasa. Hassan dan Rasdi (2012: 2) menegaskan penggunaan bahasa dengan pelbagai strategi telah

menampakkan bermacam-macam nilai sosial dan kebudayaan yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat bahasa itu. Hal ini sejajar dengan pandangan yang diutarakan oleh Sa'adiah (2014: 34), pemilihan bahasa oleh seseorang penutur boleh berubah dan mudah pula disesuaikan dengan fungsi penggunaan sesebuah bahasa itu. Sehubungan dengan itu, beliau menyatakan pemilihan bahasa berkaitan dengan proses peralihan sesebuah bahasa, setiap kelompok masyarakat bahasa itu mempunyai pilihan yang berbeza terhadap bahasa yang ingin digunakan dan bakal menentukan hasil proses peralihan bahasa yang berlaku. Keadaan ini juga turut berlaku terhadap penggunaan dan pemilihan bahasa dalam kalangan penutur natif masyarakat Semai di kawasan kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan untuk berinteraksi dalam masyarakat Semai di perkampungan Orang Asli di Kampung Serigala. Aspek ini diteliti bagi memperlihatkan sama ada bahasa Semai yang menjadi bahasa ibunda masyarakat Orang Asli di kawasan kajian masih relevan digunakan dalam pelbagai mandala semasa interaksi sosial mereka. Sa'adiah Ma'alip (2014: 34) menegaskan pemilihan bahasa oleh seseorang penutur boleh berubah dan mudah pula disesuaikan dengan fungsi penggunaan sesebuah bahasa itu.

SOROTAN LITERATUR

Dalam usaha menanggapi sikap terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian yang berkaitan dengan fokus kajian. Hanya segelintir pengkaji bahasa sahaja yang meneliti bahasa dan masyarakat minoriti secara mendalam. Namun, kajian terhadap bahasa masyarakat Orang Asli Semai masih lagi tidak diterokai sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Justeru, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang dapat menjadi pemacu kepada kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Antaranya ialah kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Sharifudin (2007), Zainal Abidin (2011), Faaizah & Mohd Sharifudin (2014), Sa'adiah Ma'alip (2014), Santrol Abdullah (2016), dan Hadi & Karim (2017).

Abd. Hadi Kudin dan Karim Harun (2017) melalui kajian jurnal yang bertajuk *Diglosia dan Loyalti Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Semai* telah meneliti masyarakat bahasa Orang Asli Semai yang berada di perkampungan Semai di daerah Batang Padang, Tapah, Perak. Dalam kajian tersebut, aspek pemilihan bahasa dan diglosia dalam masyarakat Orang Asli Semai menjadi fokus utama kajian. Kajian ini menerapkan metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan memanfaatkan kerangka kajian bidang sosiolinguistik sebagai landasan utamanya. Pendekatan analisis domain Fishman (1972) telah diterapkan dalam menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai di kawasan kajian. Dapatan kajian telah mendapati bahawa gejala diglosia tidak wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. Pemilihan bahasa Melayu adalah sebagai bahasa perhubungan yang digunakan dalam situasi tertentu terutamanya dalam situasi formal dalam masyarakat tersebut. Bagi bahasa Semai pula menjadi bahasa ibunda yang sangat dihargai oleh kelompok tersebut. Melalui kajian ini memperlihatkan sikap loyalti masyarakat Orang Asli Semai masih menebal terhadap bahasa ibunda mereka sekaligus membuatkan bahasa Semai semakin berkembang. Hasil kajian juga mendapati bahawa tiada dialek bahasa Semai atau

variasi tertentu yang digunakan sebagai unsur diglosian namun bahasa Melayu telah memainkan peranan sebagai unsur diglosia namun telah menggantikan diglosia dalam domain tertentu yang dianggap tinggi oleh masyarakat bahasa Orang Asli.

KERANGKA TEORI

Kajian pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Semai di Hulu Selangor ini menerapkan konsep domain atau mandala yang dijadikan sebagai asas kepada kerangka teori bagi meninjau pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat bahasa yang dikaji. Menurut Fishman (1972), domain membina sosio-budaya yang digarap melalui topik komunikasi, pertalian antara penutur dengan masyarakat tutur. Penerapan teori domain dapat menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam masyarakat bahasa yang menjurus kepada masyarakat multibahasa. Tambahan pula, domain pemilihan bahasa perlu merangkumi latar, bentuk komunikasi yang terlibat, topik perbualan dan status sosial. Justeru dalam pengkajian terhadap pemilihan bahasa dalam masyarakat dwibahasa, penerapan teori ini dapat mengungkapkan sikap pemilihan bahasa, hubungan antara penghubung dengan tempat peristiwa komunikasi berlangsung. Noriah dan Meriam (2005: 7) dalam kajiannya menegaskan bahawa domain bermaksud rumpun situasi sosial yang secara tipikal dikawal oleh set rumus perilaku yang atau sebaliknya. Hal ini sejajar dengan pandangan yang pernah diutarakan oleh Fishman (1972: 442), iaitu:

“...suatu gagasan sosiobudaya yang diperoleh daripada topik komunikasi, hubungan antara penghubung dan tempat peristiwa komunikasi, selaras dengan institusi sesuatu masyarakat dan sfera aktiviti pertuturan masyarakat yang sedemikian rupa sehingga pola sosial dan perilaku seseorang individu dapat dibezakan daripada yang lain, namun masih dapat dikaitkan antara satu sama lain...”

Terdapat lapan jenis mandala yang telah diterapkan dalam teori ini. Mandala ini terdiri daripada dua kategori sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Fishman (1972), iaitu mandala lingkaran dalam yang merujuk kepada interaksi bahasa yang berlaku hanya terbatas dalam lingkungan sesama etnik dan persekitaran dalam ruang lingkup komuniti itu sahaja. Manakala bagi mandala lingkaran luar pula melibatkan interaksi bahasa dengan etnik luar yang bukan penutur natif sesebuah bahasa dan bagi setiap kategorinya memiliki pecahan mandala yang tersendiri seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Kerangka Model Kajian Mandala Berasaskan Teori Domain Fishman (1972)

Lingkaran Dalam	Lingkaran Luar
1. Mandala Kekeluargaan	1. Mandala Pendidikan
2. Mandala Kejiranan	2. Mandala Jual Beli
3. Mandala keagamaan	3. Mandala Perkhidmatan
4. Mandala Kendiri	
5. Mandala Keetnikan	

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan di perkampungan Orang Asli Serigala ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menyelidiki tingkah laku bahasa masyarakat bahasa Semai. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dalam menggarap data-data yang memperlihatkan tahap bahasa Semai berdasarkan pemilihan berbahasa masyarakat Semai. Soal selidik diedarkan secara rawak kepada 175 orang responden Orang Asli Semai bagi mendapatkan maklumat dan data penggunaan bahasa Semai dalam kalangan mereka. Dalam melaksanakan kajian pemilihan bahasa masyarakat Semai, seramai 12 orang informan telah dipilih dalam membantu menyalurkan maklumat berkaitan masyarakat Semai kepada pengkaji, antaranya ialah Tok Batin di perkampungan Orang Asli tersebut. Pemilihan informan dalam kajian ini bukanlah semestinya seorang penutur natif bahasa Semai, tetapi juga mereka yang terlibat secara langsung dengan masyarakat Orang Asli Semai di kawasan kajian serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menanggapi masyarakat tersebut.

Dalam mengumpulkan data bagi melihat pemilihan bahasa, borang soal selidik yang diedarkan terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama, iaitu bahagian A berkaitan dengan soalan peribadi yang berkisar tentang maklumat diri responden seperti nama, jantina, umur, keturunan, lama menetap di kawasan penempatan, agama, taraf perkahwinan, pekerjaan, dan tahap pendidikan. Kesemua 9 soalan pada bahagian ini terdiri daripada soalan berbentuk terbuka dan responden perlu melengkapkan maklumat tersebut. Pada bahagian B pula, soalan adalah berkaitan dengan maklumat pemilihan dan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Semai di bahagikan kepada 8 mandala, iaitu kekeluargaan, kejiranan, kemasyarakatan, keagamaan, sendiri, pendidikan, jual beli dan situasi formal. Bagi setiap pilihan bahasa yang digunakan adalah berdasarkan pilihan yang dibuat sendiri oleh responden dengan menandakan tanda (✓) di ruangan yang telah disediakan dalam borang soal selidik pada bahagian tersebut.

Sampel bagi kajian ini ialah responden Orang Asli Semai yang tinggal menetap di Kampung Orang Asli Serigala, Sungai Selisik, Hulu Bernam yang terletak di Selangor. Hanya penutur natif Semai di kampung ini sahaja yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini untuk memberikan gambaran sebenar tentang penggunaan bahasa mereka ketika berinteraksi dengan masyarakat di kawasan tersebut. Berikut merupakan Jadual 2 yang memaparkan taburan sampel kajian:

JADUAL 2: TABURAN SAMPEL KAJIAN

Generasi	Bilangan Sampel (Orang)	Peratusan (%)
Generasi 1 (70 tahun & ke atas)	9	4
Generasi 2 (40 tahun – 69 tahun)	54	31
Generasi 3 (20tahun – 39 tahun)	65	37
Generasi 4 (7 tahun – 19 tahun)	49	28
Jumlah	175	100 %

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 175 orang, terdiri daripada 82 orang responden lelaki, manakala 93 orang responden pula, adalah perempuan. Responden telah dikelompok berdasarkan empat tahap generasi. Generasi pertama merupakan kelompok responden yang berumur antara 70 tahun dan ke atas. Golongan ini merupakan golongan veteran yang mewarisi bahasa dan budaya Semai di perkampungan Orang Asli. Namun, hanya 9 orang responden sahaja bagi generasi pertama yang mewakili kampung sukar untuk ditemui lantaran bilangannya yang semakin berkurangan dan ada pula yang sedang terlantar sakit tua. Seterusnya, generasi kedua seramai 54 orang responden yang berumur antara 40-69 tahun. Seramai 65 orang responden bagi generasi ketiga yang berumur antara 20-39 tahun, manakala bagi generasi keempat pula terdiri daripada kelompok responden yang berusia antara 7-19 tahun dengan bilangannya seramai 49 orang.

HURAIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan data yang diperoleh melalui kajian lapangan yang telah dijalankan di sebuah perkampungan Orang Asli yang berketurunan Semai, iaitu di Kampung Serigala. Jumlah populasi bagi kampung tersebut adalah seramai 309 orang dan kajian ini melibatkan sebanyak 175 orang responden yang terdiri daripada empat generasi penutur bahasa Semai sebagaimana yang telah dinyatakan pada bahagian 6.0 sebelum ini untuk mendapatkan data berkaitan sikap terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat yang dikaji. Terdapat 2 mandala yang menjadi fokus utama dalam kajian ini menjadi asas bagi membongkar sikap terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Semai yang menetap di perkampungan Orang Asli di Hulu Selangor.

Mandala Kekeluargaan

Institusi kekeluargaan merupakan penyambung kepada kelestarian bahasa ibunda dalam komuniti keluarga. Kesedaran generasi pertama akan peri pentingnya memperturunkan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Semai kepada anak cucu mereka supaya bahasa mereka dapat ters dikekalkan. Zainal Abidin (2011: 119) menyatakan kekeluargaan merupakan kelompok masyarakat yang diikat atas tali persaudaraan dan mempunyai hubungan warisan yang kuat. Nilai-nilai kemesraan dan keeratan dalam perhubungan di antara kaum keluarga dapat dipamerkan melalui komunikasi mereka dengan ahli keluarga. Hal ini kerana asas kekeluargaan yang utuh dapat mencorakkan anak-anak mentaati dan menghormati generasi yang lebih berusia.

Pembentukan sesebuah masyarakat bahasa juga sebenarnya bertitik tolak dari institusi kekeluargaan. Secara umumnya, keluarga terdiri daripada datuk dan nenek yang menempati hierarki tertinggi dalam kedudukan sesebuah keluarga. Seterusnya ibu dan bapa menjadi insan yang berada pada tahap yang kedua sekali gus memperlihatkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah keluarga. Hierarki dalam sesebuah keluarga seterusnya diisi oleh anak-anak (G2 dan G3), cucu (G4) dan cicit (G4). Terdapat G1 yang berumur 80 tahun di kawasan kajian yang tinggal bersama dengan salah seorang daripada anaknya yang berusia 43 tahun (G2), manakala anak-anak yang lain duduk berasingan bersama pasangan masing-masing di sekitar penempatannya. G1 hanya menggunakan bahasa Semai dan masih menggunakan bahasa tersebut dalam rumah tangganya sepanjang hari. Namun, beliau juga boleh bertutur dalam bahasa Melayu yang masih ketara pelat Semai. Semasa bertutur dengan dengan G2,

bahasa Semai menjadi pilihan utama. Bukan sahaja dengan G2, beliau juga menggunakan bahasa Semai ketika bertutur dengan G3 dan G4. Hal ini kerana G3 masih boleh bertutur dengan baik dalam bahasa ibunda mereka.

Dalam menganalisis mandala kekeluargaan ini pengkaji telah mengemukakan 13 perkara untuk meneliti pemilihan bahasa penutur etnik Semai. Berikut merupakan data dan huraian pemilihan bahasa bagi mandala kekeluargaan sebagaimana dalam Jadual 4:

Jadual 4: Pemilihan Bahasa dalam Mandala Kekeluargaan

Soalan	BS	BM	BS + BM	BS + BT	BT	Jumlah Responden & Peratus
1. Ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek.	112 64%	-	43 25%	18 10%	2 1%	175 100%
2. Ketika berkomunikasi dengan ibu bapa.	120 69%	-	48 27%	7 4%	-	175 100%
3. Ketika berkomunikasi dengan ipar-duai.	89 65%	-	37 27%	8 6%	3 2%	137 100%
4. Ketika berkomunikasi dengan mentua.	62 58%	-	32 30%	10 9%	3 3%	107 100%
5. Ketika berkomunikasi dengan besan.	41 55%	2 3%	27 36%	3 4%	1 2%	74 100%
6. Ketika berkomunikasi dengan biras.	57 60%	-	29 31%	7 7%	2 2%	95 100%
7. Ketika berkomunikasi dengan suami atau isteri.	71 66%	-	30 28%	6 6%	-	107 100%
8. Ketika berkomunikasi dengan anak menantu.	42 57%	-	29 39%	3 4%	-	74 100%
9. Ketika berkomunikasi dengan adik-beradik.	106 61%	-	66 38%	3 1%	-	175 100%
10. Ketika berkomunikasi dengan saudara mara.	108 62%	-	65 37%	2 1%	-	175 100%
11. Ketika bergurau senda dengan ahli keluarga.	103 59%	-	67 38%	5 3%	-	175 100%
12. Ketika menasihati anak-anak di rumah.	69 63%	-	37 34%	4 3%	-	110 100%
13. Kebanyakan panggilan keluarga disebut dalam bahasa	175 100%	-	-	-	-	175 100%

Bagi item pertama, iaitu bahasa yang digunakan oleh kebanyakan masyarakat Semai ketika bertutur dengan datuk dan nenek. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, kebanyakan responden memilih menggunakan bahasa Semai apabila bertutur dengan datuk dan nenek, iaitu 64%. Bagi item 1 juga, 25% responden memilih untuk bertutur menggunakan campuran bahasa Semai dan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek, manakala 10% responden menggunakan gabungan bahasa Semai dan bahasa Temuan dan hanya 1% responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Temuan ketika bertutur dengan datuk dan nenek.

Dapatan memperlihatkan peratusan tertinggi bagi komunikasi dengan datuk dan nenek menggunakan bahasa Semai. Hal ini demikian kerana kebanyakan datuk dan nenek yang berusia 50 tahun dan ke atas (G1 dan G2) lebih selesa bertutur dengan ahli keluarga khususnya ketika berbual dengan anak-anak, menantu, cucu dan cicitnya dalam bahasa Semai. Hal ini sejajar dengan pandangan yang pernah diutarakan oleh Clyne (1991: 114), iaitu kelompok kanak-kanak bertindak sebagai agen anjakan bahasa, manakala datuk dan nenek pula menjadi pemangkin penggunaan bahasa bagi sesuatu komuniti. Sehubungan dengan itu, generasi datuk dan nenek di kawasan kajian masih kuat lagi berbahasa Semai dan sekiranya mereka bertutur dengan pengkaji dalam bahasa Melayu, pengkaji masih dapat mendengar lenggok bahasa Semainya.

Bagi perbualan dengan ibu dan bapa dalam kelompok G2 dan G3 menunjukkan bahawa 69% memilih bahasa Semai. 27% responden pula memilih bahasa Semai dan bahasa Melayu ketika berkomunikasi bersama dengan ibu dan bapa, manakala 7% responden lagi memilih menggunakan bahasa Semai dan bahasa Temuan. Keadaan mula berubah apabila perbualan dilakukan dengan ipar-duai dan mentua. Hal ini berkemungkinan daripada faktor perkahwinan campur yang telah diamalkan sejak dahulu. Mereka bebas berkahwin dengan pasangan walaupun pun pasangan yang dipilih bukan dalam suku kaum yang sama.

RUMUSAN

Kajian yang dilakukan terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Kaum Semai ini mendapati bahawa masyarakat ini masih lagi meletakkan bahasa Semai sebagai wahana utama ketika berkomunikasi dalam mandala kekeluargaan. Walaupun kebanyakan responden dalam kelompok G2 dan G3 berkebolehan menggunakan lebih daripada satu bahasa khususnya bahasa Semai, bahasa Melayu dan juga bahasa Temuan. Namun penggunaan bahasa Temuan di Kampung Serigala agak terbatas dalam mandala kekeluargaan. Penggunaan bahasa campuran antara bahasa Semai dan bahasa Melayu juga digunakan dalam mandala kekeluargaan bagi responden dalam G3 dan G4. Penguasaan bahasa lain terutamanya bahasa Melayu memudahkan masyarakat Orang Asli Semai bertutur dengan masyarakat luar dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abd. Hadi Kudin & Karim Harun. (2017). "Diglosia" dan "loyalti" bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*. Vol 21 (2): 48-59.
- Abu Hassan Abdul & Mohd Rasdi Saamah. (2012). Unsur Haiwan dalam Peribahasa Masyarakat Asli Suku Kaum Semai. *PENDETA: Jurnal Bahasa Pendidikan dan Sastera*, 3 (1): 1-19. Diambil dari <https://ejournal.upsi.edu.my/issuedetails/445>.
- Clyne, M.G. (1991). *Community Language: The Australian Experience*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Esther Florence Boucher-Yip. (2004). *Language Maintenance and Shift in One Semai Community in Peninsular Malaysia*. Phd Thesis. University of Leicester.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, 14 (2): 169-191.

- Fishman, J.A. (1972). Domains and the relationship between micro and macrosociolinguistics. Dalam J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication* (hlmn 435-453). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- JAKOA (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- JAKOA. (2015). *Peta Kawasan Penempatan Orang Asli Suku Kaum Senoi*. Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam & Shuhairimi Abdullah. (2004). Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (*world view*): satu analisis awal. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). Langkawi. 4-6 September.
- Mohd Rasdi Saamah. (2011). Alam dan budaya dalam bahasa kiasan bahasa Semai. Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur. IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu. 10-12 Mei.
- Mohd Rasdi Saamah & Abu Hassan Abdul. (2014). Konsep dan Bentuk Metrologi dalam Peribahasa Suku Kaum Semai di Lembah Jelai, Pahang. *PENDETA: Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*, 5 (1): 37-56. Diambil dari <https://ejournal.upsi.edu.my/issuedetails/538>.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Melayu Orang Proto: Kajian Sosiologi Bahasa terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop & Alang Sabak. (2018). *Sari Budaya dan Bahasa Suku Semai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noriah Mohamed & Meriam Abd. Karim. (2005). Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain. *Jurnal Bahasa*. Jilid 5 (1): 1-50.
- Nur Faaizah Md Adam & Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut di Pahang. *Journal of Human Development and Communication*, 3: 141-161.
- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu*, 12 (1): 32-43.